

lokal



IBU NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	IBU NEGERI	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KL/PUTRAJAYA	5:43	7:02	1:04	4:26	7:01	8:15	PULAU PINANG	5:50	7:10	1:09	4:30	7:03	8:17
SHAH ALAM	5:43	7:01	1:04	4:26	7:01	8:15	ALOR SETAR	5:52	7:11	1:09	4:30	7:02	8:15
SEREMBAN	5:39	7:00	1:02	4:25	7:01	8:14	KUALA TERENGGANU	5:39	7:00	12:57	4:19	6:52	8:06
MELAKA	5:38	6:59	1:01	4:24	7:00	8:14	KOTA BHARU	5:48	7:05	1:01	4:23	6:55	8:04
JOHOR BAHRU	5:31	6:52	12:55	4:18	6:55	8:09	KUANTAN	5:36	6:57	12:58	4:21	6:56	8:10
IPOH	5:47	7:05	1:06	4:29	7:02	8:16	KANGAR	5:52	7:13	1:09	4:30	7:01	8:15

SETAHUN KEMATIAN ADIB

Ibu belum tenang lagi

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor, Mohd Rizal Abdullah dan Nurul Hidayah Bahaudin am@hmetro.com.my

Alor Setar

"Sedikit pun saya tidak pernah lupa apa yang berlaku pada arwah meskipun sudah setahun berlalu," kata ibu Muhammad Adib, Asma Aziz, 52.

Asma berkata, dia belum tenang kerana kes berkenaan belum dapat diselesaikan hingga ke hari ini.

"Rasa geram kerana ia sudah lama, seolah-olah tiada tindakan selepas keputusan inkuas September lalu.

"Saya tetap berharap pembunuh Adib dibawa ke muka keadilan," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Tebengau Tepi Laut, Kuala Kedah, semalam.

Sehingga kini, dia dan keluarga meletakkan harapan tinggi meskipun belum menerima perkembangan terkini mengenai pembunuh anaknya itu.

"Setakat ini, saya belum terima apa-apa perkembangan daripada mana-mana pihak namun saya dan keluarga berharap pembunuh Adib dibawa ke muka pengadilan," katanya.

Setakat ini, polis mengenal pasti tujuh saksi utama yang dipercayai berada di lokasi ketika kejadian.

Semua mereka dilaporkan menjalani ujian poligraf bagi membantu siasatan.

Muhammad Adib, 24, anggota van Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (ERMS) BBP Subang Jaya parah dalam rusuhan ketika kekecohan di tapak Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, di sini, pada 27 November tahun lalu.

Beliau disahkan meninggal dunia di Institut Jantung Negara (IJN) pada 17 Disember tahun lalu selepas 21 hari menerima rawatan.

Susulan itu, Peguam Negara mengarahkan majistret membuat inkuas bagi menentukan sebab kematian mangsa pada 27 Disember lalu.

Sepanjang prosiding inkuas bermula Februari lalu, seramai 30 saksi termasuk



ASMA (kanan) membantu saudaranya yang mengambil upah menyiang ikan bilis di rumahnya di Kampung Tebengau, Kuala Kedah.

Jejak beberapa individu di lokasi kejadian

Kuala Lumpur: Polis mengesan beberapa individu yang berada di lokasi kejadian ketika kekecohan di tapak Kuil Sri Maha Mariamman, USJ 25, Subang Jaya pada 27 November 2018.

Pengarah Jabatan Siasatan (JS) Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed berkata, individu berkenaan dipercayai dapat membantu siasatan berhubung kematian anggota bomba Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim, 24.

"Kita memberi masa kepada polis Kontinjen Selangor untuk mengesan beberapa individu berkenaan. "Sekiranya gagal untuk mengesan, polis

akan dedahkan gambar mereka kepada media untuk disiaran," katanya pada sidang media di Bukit Aman, di sini, semalam.

Sebelum ini, seramai 12 individu yang pernah disiasat susulan kematian Adib akan ditahan semula jika keterangan baharu menyokong pembabitannya mereka.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendaakwaan dan Undang-Undang (OS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Senior Asisten Komisyoner Mior

Faridalthrash Wahid dilaporkan berkata, tidak timbul isu individu berkenaan melaikan diri.



beberapa saksi pakar dan bapa Allahyarham, Mohd Kassim Abdul Hamid dipanggil memberi keterangan dengan 137 bahan bukti dikemukakan.


Pada 27 September lalu, Koroner Rofiah Mohamad memutuskan punca kema-

tian Muhammad Adib akibat perbuatan jenayah oleh dua atau lebih individu yang tidak dikenali.

Pada 9 Oktober lalu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Huzir Mohamed dilaporkan berkata, dua saksi pakar akan dipanggil

bagi membantu siasatan polis berhubung kematian Adib.

Mereka ialah Perunding Kanan Patologi Forensik United Kingdom, Prof Dr Shahrom Abd Wahid dan Pakar Fizik Universiti Teknologi Mara (UiTM), Dr Amir Radzi Ab Ghani.



UNIFORM milik Allahyarham Muhammad Adib diletakkan di dalam almari sebagai tanda ingatan warga Balai Bomba Subang Jaya.

Almari kenangan tanda ingatan

Subang Jaya: Helmet, pakaian seragam, celoreng, jaket kalis api dan but diletakkan dalam almari khas sebagai tanda ingatan abadi buat Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim.

Begitu dilakukan pegawai dan anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Subang Jaya dengan meletakkan almari itu di satu sudut bagi mengabadikan memori mereka bersama Allahyarham.

Ketua BBP Subang Jaya, Syed Shahril Anuar Syed Sulaiman berkata, pihaknya mengambil inisiatif menggunakan almari yang diletakkan barangan Adib di dalamnya.

"Kami mahu Adib sentiasa diingati oleh setiap warga kerja balai ini. Di-

sebabkan itu, saya mencadangkan membuat tanda peringatan berkenaan menggunakan almari yang diletakkan barang milik arwah menggunakan pakaian seragam dan helmet.

"Malah, sebelum itu saya ada me-

minta kebenaran daripada keluarga Adib terlebih dulu," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Syed Shahril berkata, tanda peringatan itu dibuat bagi membolehkan warga BBP Subang Jaya sentiasa mengingati arwah Adib termasuk pegawai dan anggota baru yang berpindah tugas ke balai berkenaan.

"Mungkin ada antara kami (warga BBP Subang Jaya) yang akan berpindah tugas ke tempat lain, namun kenangan arwah Adib di balai ini tetap akan tersemat dengan adanya tanda peringatan itu.

"Mereka yang berkunjung ke balai bomba ini juga boleh melihat sendiri barang milik arwah yang diletak secara rapi dalam almari itu," katanya.

Beliau berkata, warga BBP Subang Jaya juga melakukan bacaan Yasin dan tahlil di balai berkenaan, semalam bagi mem-

peringati geranap setahun tragedi meninggalnya arwah Adib.

Tanda peringatan bagi membolehkan warga BBP Subang Jaya sentiasa mengingati Adib